

Banjir kilat masuki rumah penduduk

Longkang sempit, tersumbat

Oleh MARMIZI NOR
berita@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – “Setiap kali hujan lebat, pasti rumah kami akan dilanda banjir lumpur yang membawa sekali sampah-sarap.”

Itulah luahan penduduk Kampung Cheras Baru yang bimbang dengan kejadian banjir kilat yang sering melanda penempatan mereka sejak lima tahun lepas.

Menurut beberapa orang penduduk ketika ditemui *KOSMO!* semalam, banjir kilat itu dipercayai akibat sistem saliran tidak sempurna dan penuh dengan sampah-sarap sehingga menjejaskan aliran air.

Seorang penduduk, Shafii Nordin, 36, yang sudah menetap

di kawasan itu sejak 25 tahun lalu berkata, setiap kali hujan lebat pasti banjir kilat berlaku, tetapi tiada tindakan diambil oleh pihak berkuasa.

Katanya, penempatan yang paling ketara terjejas ialah di sekitar Jalan 3, Jalan 26 dan Jalan 25.

“Banjir kilat itu juga dipercayai berpunca daripada projek pembinaan pinggir bukit bersebelahan penempatan ini,” ujarinya ketika ditemui di sini semalam.

Wong Yee Seng, 50, pula berkata, dia sudah beberapa kali membuat aduan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Alam Flora Sdn. Bhd., namun tiada tindakan diambil.

“Kadang-kadang sehingga

dua atau tiga kali banjir kilat melanda dalam sebulan.

“Setiap kali air naik sehingga paras lutut, pasti ia membawa sampah-sarap dan lumpur sehingga masuk ke dalam rumah,” katanya.

Hadir sama ketika tinjauan *KOSMO!* itu ialah Pengarah Pusat Perkhidmatan MCA Cheras, Dr. Jeffrey Goh Sim Ik yang memberitahu, beliau akan menulis surat kepada Alam Flora mengenai masalah tersebut.

“Banjir kilat itu dikenal pasti berpunca daripada longkang yang terlalu sempit dan tersumbat,” katanya.

Sim Ik berharap, DBKL akan mengkaji semula sistem saliran di kawasan itu kerana ia tidak sesuai dengan pembangunan pesat di kawasan berkenaan.



SIM IK menunjukkan longkang yang sempit dan sering tersumbat sehingga menyebabkan banjir kilat di Kampung Cheras Baru semalam.